



KEMENTERIAN KEWANGAN
MALAYSIA

LAPORAN PASARAN HARTA

Property Market Report

2023



JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA
VALUATION AND PROPERTY SERVICES DEPARTMENT
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
MINISTRY OF FINANCE MALAYSIA

LAPORAN PASARAN HARTA
2023

PROPERTY MARKET REPORT
2023

JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

VALUATION AND PROPERTY SERVICES DEPARTMENT
MINISTRY OF FINANCE MALAYSIA

Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta
Kementerian Kewangan Malaysia
© Hak Cipta Terpelihara 2024

*Valuation and Property Services Department
Ministry Of Finance Malaysia
© Copyrights Reserved 2024*

Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta
Aras 9, Perbendaharaan 2,
No. 7, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Putrajaya
62592 Putrajaya
Telefon : 03 - 8886 9000
Telefaks : 03 - 8886 9002
Emel : jpph@jpph.gov.my

*Valuation and Property Services Department
Level 9, Perbendaharaan 2,
No. 7, Persiaran Perdana, Precinct 2
Pusat Pentadbiran Putrajaya
62592 Putrajaya
Telephone : 03 - 8886 9000
Telefax : 03 - 8886 9002
E-mail : jpph@jpph.gov.my*

Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC)
Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta
Aras 7, Perbendaharaan 2,
No. 7, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Putrajaya
62592 Putrajaya
Telefon : 03 - 8886 9000
Telefaks : 03 - 8886 9007
Emel : napic@jpph.gov.my

*National Property Information Centre (NAPIC)
Valuation and Property Services Department
Level 7, Perbendaharaan 2,
No. 7, Persiaran Perdana, Precinct 2
Pusat Pentadbiran Putrajaya
62592 Putrajaya
Telephone : 03 - 8886 9000
Telefax : 03 - 8886 9007
E-mail : napic@jpph.gov.my*

Cawangan-cawangan Jabatan
Penilaian dan Perkhidmatan Harta

*Branch offices of The Valuation and
Property Services Department*

Atur huruf dan kerja seni oleh:
Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC)

*Typesetting and artwork by:
National Property Information Centre (NAPIC)*

Disclaimer: The information in this report is true and correct at the time of publishing.

KANDUNGAN CONTENTS

	GAMBARAN KESELURUHAN PASARAN HARTA DI MALAYSIA BAGI TAHUN 2023	overview 3
	AN OVERVIEW OF THE MALAYSIAN PROPERTY MARKET IN 2023	
Jadual	I Penunjuk Utama Ekonomi Malaysia	overview
Table	<i>Key Indicators of the Malaysian Economy</i>	35
	II Bilangan Transaksi Harta Mengikut Subsektor dan Lingkungan Harga	overview
	<i>Number of Property Transactions by Sub-Sector and Price Range</i>	36
	III Nilai Transaksi Harta Mengikut Subsektor dan Lingkungan Harga (RM Juta)	overview
	<i>Value of Property Transactions by Sub-Sector and Price Range (RM Million)</i>	38
	IV Bilangan Transaksi Harta Mengikut Negeri dan Tempoh Masa	overview
	<i>Number of Property Transactions by State and Time Period</i>	40
	V Nilai Transaksi Harta Mengikut Negeri dan Tempoh Masa (RM Juta)	overview
	<i>Value of Property Transactions by State and Time Period (RM Million)</i>	43
	VI Bilangan Transaksi Harta Mengikut Kategori Pemberi dan Penerima Pindah Milik	overview
	<i>Number of Property Transactions by Category of Transferor and Transferee</i>	46
	VII Nilai Transaksi Harta Mengikut Kategori Pemberi dan Penerima Pindah Milik (RM Juta)	overview
	<i>Value of Property Transactions by Category of Transferor and Transferee (RM Million)</i>	48
	VIII Penawaran Unit Kediaman di Malaysia	overview
	<i>Supply of Residential Units in Malaysia</i>	50
	IX Penawaran Unit Kedai di Malaysia	overview
	<i>Supply of Shop Units in Malaysia</i>	51
	X Penawaran dan Penghunian Kompleks Perniagaan di Malaysia	overview
	<i>Supply and Occupancy of Shopping Complex in Malaysia</i>	52
	XI Penawaran dan Penghunian Pejabat Binaan Khas di Malaysia	overview
	<i>Supply and Occupancy of Purpose-Built Office in Malaysia</i>	53
	XII Penawaran Unit SOHO di Malaysia	overview
	<i>Supply of SOHO Units in Malaysia</i>	54
	XIII Penawaran Unit Pangsapuri Khidmat di Malaysia	overview
	<i>Supply of Serviced Apartment Units in Malaysia</i>	55
	XIV Penawaran Unit Industri di Malaysia	overview
	<i>Supply of Industrial Units in Malaysia</i>	56
	XV Bilangan Bilik Hotel	overview
	<i>Number of Hotel Rooms</i>	57
	XVI Bilangan & Prestasi Jualan Pelancaran Baru dan Bilangan & Nilai Unit Kediaman yang Tidak Terjual di Malaysia	overview
	<i>Number & Sales Performance of New Launches and Number & Value of Unsold Residential Units in Malaysia</i>	58
	XVII Bilangan Unit Kedai yang Tidak Terjual di Malaysia	overview
	<i>Number of Unsold Shop Units in Malaysia</i>	59
	XVIII Bilangan Unit Industri yang Tidak Terjual di Malaysia	overview
	<i>Number of Unsold Industrial Units in Malaysia</i>	60
	XIX Bilangan Unit SOHO yang Tidak Terjual di Malaysia	overview
	<i>Number of Unsold SOHO Units in Malaysia</i>	61
	XX Bilangan Unit Pangsapuri Khidmat yang Tidak Terjual di Malaysia	overview
	<i>Number of Unsold Serviced Apartment Units in Malaysia</i>	62

GLOSARI
GLOSSARY

% Pecahan	:	<i>% Breakdown</i>
% Perubahan	:	<i>% Change</i>
"Purata" Semua Rumah	:	<i>"Average" All Houses</i>
Ambilan Ruang	:	<i>Take-up Space</i>
Bandar	:	<i>Town</i>
Berkembar	:	<i>Semi-Detached</i>
Bilangan	:	<i>Number</i>
Bilangan Transaksi	:	<i>Number Of Transactions</i>
Bilangan Unit	:	<i>Number Of Units</i>
Blok Pejabat/Lot Pejabat	:	<i>Office Block/Office Lot</i>
Durian	:	<i>Durian</i>
Dusun	:	<i>Orchard</i>
Fasa	:	<i>Phase</i>
Getah	:	<i>Rubber</i>
Harga Purata	:	<i>Average Price</i>
Hektar	:	<i>Hectare</i>
Indeks Harga Semua Rumah	:	<i>All House Price Index</i>
Indeks Keyakinan Perniagaan	:	<i>Business Condition Index</i>
Industri	:	<i>Industrial</i>
Jenis	:	<i>Type</i>
Juta	:	<i>Million</i>
Kadar Ambilan	:	<i>Take-Up Rate</i>
Kadar Asas Pinjaman (BLR)	:	<i>Base Lending Rate (BLR)</i>
Kadar Dasar Semalaman (OPR)	:	<i>Overnight Policy Rate (OPR)</i>
Kadar Penghunian Purata (pejabat/kompleks perniagaan)	:	<i>Average Occupancy Rate (office/shopping complex)</i>
Kadar Penginapan Purata (hotel)	:	<i>Average Occupancy Rate (hotel)</i>
Kadar Pinjaman Purata (ALR)	:	<i>Average Lending Rate (ALR)</i>
Kadar Pulangan Kasar Purata	:	<i>Average Gross Yield</i>
Kadar Serapan	:	<i>Absorption Rate</i>
Kawasan Sekunder Pusat Bandar	:	<i>Central Town Secondary Area</i>
Kawasan Sekunder Pinggir Bandar	:	<i>Suburban Secondary Area</i>
Kawasan Utama Pusat Bandar	:	<i>Central Town Prime Area</i>
Kawasan Utama Pinggir Bandar	:	<i>Suburban Prime Area</i>
Kedai	:	<i>Shop</i>
Kedai Industri	:	<i>Industrial Shop</i>
Kedai Sebelum Perang	:	<i>Pre-war Shop</i>
Kedai Tanpa Inap	:	<i>Lock-up Shop</i>
Kediaman	:	<i>Residential</i>
Kedudukan/lokasi	:	<i>Location</i>
Kelapa	:	<i>Coconut</i>
Kelapa Sawit	:	<i>Oil Palm</i>
Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)	:	<i>Gross Domestic Product (GDP)</i>
Kilang Berkembar/Gudang	:	<i>Semi-Detached Factory/Warehouse</i>

GLOSARI
GLOSSARY

Kilang Sesebuah/Gudang	:	<i>Detached Factory/Warehouse</i>
Kilang Teres/Gudang	:	<i>Terraced Factory/Warehouse</i>
Koko	:	<i>Cocoa</i>
Kompleks	:	<i>Complex</i>
Kompleks Industri/Unit	:	<i>Industrial Complex/Unit</i>
Kompleks Perniagaan	:	<i>Shopping Complex</i>
Kondominium	:	<i>Condominium</i>
Kopi	:	<i>Coffee</i>
Ladang	:	<i>Estate</i>
Lingkungan Harga	:	<i>Price Range</i>
Lingkungan Sewa Sebulan	:	<i>Rental Range Per Month</i>
Lot Niaga Di Dalam Kompleks Perniagaan	:	<i>Retail Lot In Shopping Complex</i>
Luas Lantai Purata	:	<i>Average Floor Area</i>
Luas Tanah Purata	:	<i>Average Land Area</i>
m.p. (Meter Persegi)	:	<i>s.m. (Square Meter)</i>
Nilai	:	<i>Value</i>
Nilai Pindah Milik	:	<i>Value of Transactions</i>
Padi	:	<i>Paddy</i>
Padi Dua Kali Setahun	:	<i>Double Cropping Paddy</i>
Padi Sekali Setahun	:	<i>Single Cropping Paddy</i>
Pajakan	:	<i>Lease</i>
Pangsapuri	:	<i>Apartment</i>
Paras Ambang	:	<i>Threshold Level</i>
Pasaran Sewa	:	<i>Rental Market</i>
Pecahan Lot	:	<i>Subdivision of Lot</i>
Pedalaman	:	<i>Interior</i>
Penawaran Akan Datang	:	<i>Incoming Supply</i>
Penawaran Baru Dirancang	:	<i>New Planned Supply</i>
Penawaran Dalam Perancangan	:	<i>Planned Supply</i>
Penghunian (pejabat/kompleks perniagaan)	:	<i>Occupancy (office/shopping complex)</i>
Penginapan (hotel)	:	<i>Occupancy (hotel)</i>
Perniagaan/Perdagangan/Komersial	:	<i>Commercial</i>
Pertanian	:	<i>Agricultural</i>
Perubahan % Dari Tahun Ke Tahun	:	<i>Year on Year % Change</i>
Perubahan Harga Purata	:	<i>Average Price Change</i>
Perubahan Sewaan Purata	:	<i>Average Rental Change</i>
Plot Kosong	:	<i>Vacant Plot</i>
Plot Perniagaan	:	<i>Commercial Plot</i>
Prestasi Jualan	:	<i>Sales Performance</i>
Rumah Bandar	:	<i>Townhouse</i>
Rumah Berkelompok/Kluster	:	<i>Cluster House</i>
Rumah Kos Rendah	:	<i>Low-Cost House</i>
Rumah Pangsa	:	<i>Flat</i>
Rumah Pangsa Kos Rendah	:	<i>Low-Cost Flat</i>

GLOSARI GLOSSARY

Saiz Sampel	:	<i>Sample Size</i>
Sayur-sayuran	:	<i>Vegetable</i>
Sesebuah	:	<i>Detached</i>
Sewa	:	<i>Rent</i>
Sewaan	:	<i>Rental</i>
Sewaan Tingkat Bawah Kedai	:	<i>Rentals of Ground Floor Shop</i>
Skim Perumahan Bertingkat Tinggi	:	<i>High-Rise Residential Schemes</i>
Skim Perumahan Konvensional	:	<i>Conventional Housing Schemes</i>
Stabil	:	<i>Stable</i>
Stok Sedia Ada	:	<i>Existing Stock</i>
Tahun Siap (dibina)	:	<i>Year of Completion</i>
Taman Perindustrian Ringan	:	<i>Light Industrial Park</i>
Tanah Adat Melayu	:	<i>Malay Customary Land</i>
Tanah Kampung	:	<i>Kampung Land</i>
Tanah Kosong	:	<i>Vacant Land</i>
Tanah Pembangunan	:	<i>Development Land</i>
Tanah Rezab Melayu	:	<i>Malay Reservation Land</i>
Tarif	:	<i>Tariff</i>
Tembakau	:	<i>Tobacco</i>
Tempoh Kajian	:	<i>Review Period</i>
Tempoh Sebelumnya/Sebelum ini	:	<i>Preceding Period</i>
Tempoh Yang Sama Tahun Lalu	:	<i>Corresponding Period</i>
Teres	:	<i>Terraced</i>
Berkelompok/Kluster	:	<i>Cluster</i>
Tidak Didefinisikan (ND)	:	<i>Not Definable (ND)</i>
Tidak Boleh Dipindah Milik	:	<i>Not Transferable</i>
Tidak Diperolehi (NA)	:	<i>NA (Not Available)</i>
Tingkat Bawah	:	<i>Ground Floor</i>
Tingkat Bawah Tanah	:	<i>Lower Ground Floor</i>
Trend / Aliran	:	<i>Trend</i>
Trend / Aliran Menaik	:	<i>Upward Trend</i>
Trend / Aliran Menurun	:	<i>Downward Trend</i>
Belum Dibina Belum Terjual	:	<i>Unsold Not Constructed</i>
Dalam Pembinaan Belum Terjual	:	<i>Unsold Under Construction</i>
Mula Dibina	:	<i>Starts</i>
Siap Dibina	:	<i>Completion</i>
Siap Dibina Tidak Terjual	:	<i>Overhang</i>

GAMBARAN KESELURUHAN
OVERVIEW

1.0 GAMBARAN KESELURUHAN PASARAN HARTA TANAH

Ekonomi Malaysia berkembang sederhana 3.0% pada Q4 2023 (Q3 2023: 3.3%; Q2 2023: 2.9%), disokong oleh pengembangan dalam permintaan domestik, keadaan pasaran buruh yang bertambah baik dan pertumbuhan dalam aktiviti pelaburan, komoditi dan sektor perkhidmatan. Secara keseluruhan, pertumbuhan 2023 ekonomi Malaysia kembali normal kepada 3.7%, selepas pertumbuhan kukuh dicatatkan pada tahun sebelumnya (2022: 8.7%).

Walaupun persekitaran kewangan dan ekonomi global yang mencabar, pasaran harta tanah kekal berdaya tahan pada 2023 disokong oleh prestasi yang positif di semua nilai subsektor keculia subsektor pertanian berbanding tahun sebelumnya. Pada 2023, jumlah bilangan dan nilai transaksi masing-masing meningkat 2.5% dan 9.9% kepada 399,008 transaksi bernilai RM196.83 bilion (2022: 389,107 transaksi; RM179.07 bilion; 2021: 300,497 transaksi; RM144.87 bilion). Subsektor kediaman terus menyumbang bahagian terbesar transaksi, mencatatkan peningkatan marginal dalam bilangan dan nilai.

Subsektor industri merekodkan pertumbuhan sederhana pada tahun 2023, kekal positif sejak Q3 2023 (meningkat 10.7%), selepas mengalami pertumbuhan negatif dalam separuh pertama 2023 (menurun 2.5%). Pertumbuhan sederhana ini sejajar dengan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dalam Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPI) Malaysia bagi tahun 2023, yang mencatatkan pertumbuhan marginal 0.9% pada 2023 berbanding 6.7% pada tahun 2022. Semua sektor mencatat pertumbuhan positif iaitu elektrik (2.5%); perlombongan (0.8%) dan pembuatan (0.7%).

Table 1

Percentage Change from Corresponding Quarter of Preceding Year

Year	2022	Q1 22	Q2 22	Q3 22	Q4 22	2023	Q1 23	Q2 23	Q3 23	Q4 23
GDP (% yoy)	8.7%	5.0%	8.9%	14.2%	7.0%	3.7%	5.6%	2.9%	3.3%	3.0%

Source: Department of Statistics Malaysia/ Bank Negara Malaysia

Pelaburan Langsung Asing (FDI) di Malaysia merekodkan aliran masuk bersih lebih tinggi sebanyak RM926.30 bilion pada S4 2023 berbanding S3 2023 (RM914.90 bilion). Pelaburan ini disalurkan terutamanya ke sektor perkhidmatan dengan nilai RM468.40 bilion (50.6%), diikuti oleh pembuatan (RM390.80 bilion; 42.2%) dan perlombongan dan kuari (RM42.1 bilion; 4.5%). Tiga negara teratas bagi kedudukan FDI ialah Singapura (RM207.70 bilion; 22.4%), dan Hong Kong (RM113.30 bilion; 12.2%) dan Amerika Syarikat (RM97.40 bilion; 10.5%). Justeru itu, kelonggaran program Malaysia My

1.0 OVERVIEW OF THE PROPERTY MARKET

The Malaysian economy expanded by 3.0% in Q4 2023 (Q3 2023: 3.3%; Q2 2023: 2.9%), supported by expansion in domestic demand, improving labour market conditions, growth in investment activity, commodities and services sectors. Overall, the 2023 growth for the Malaysian economy normalised to 3.7%, after a strong growth registered in the previous year (2022: 8.7%).

Despite a challenging global financial and economic environment, the property market stayed resilient in 2023 supported by positive performance in all sub-sectors except agriculture compared to the previous year. In 2023, total transactions volume and value increased by 2.5% and 9.9% respectively to 399,008 transactions worth RM196.83 billion (2022: 389,107 transactions; RM179.07 billion; 2021: 300,497 transactions; RM144.87 billion). The residential sub-sector continued to contribute the largest share of transactions, recorded a marginal increase in both volume and value.

The industrial sub-sector recorded moderate growth in 2023, remained positive since Q3 2023 (increased by 10.7%), after experienced negative growth in first half 2023 (declined by 2.5%). It is in tandem to Department of Statistics Malaysia (DOSM), Malaysia's Industrial Production Index (IPI) for the year of 2023, which registered a marginal growth of 0.9% in 2023 as compared to 6.7% in 2022. All sectors posted positive growth namely electricity (2.5%); mining (0.8%) and manufacturing (0.7%).

Foreign Direct Investment (FDI) in Malaysia recorded a higher net inflow of RM926.30 billion in Q4 2023 as compared to Q3 2023 (RM914.90 billion). These investments were channelled mainly into the services sector with a value of RM468.40 billion (50.6%), followed by manufacturing (RM390.80 billion; 42.2%) and mining and quarrying (RM42.1 billion; 4.5%). The top three countries for FDI position were Singapore (RM207.70 billion; 22.4%), and Hong Kong (RM113.30 billion; 12.2%) and the United States of America (RM97.40 billion; 10.5%). Thus, the relaxation of Malaysia My

Second Home (MM2H) yang diumumkan oleh Kerajaan pada Disember 2023 adalah di landasan yang betul untuk meningkatkan pelaburan asing di Malaysia khususnya dalam sektor harta tanah.

Menurut Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER), Indeks Sentimen Pengguna (CSI) bertambah baik secara berhati-hati pada S4 2023, meningkat kepada 89.4 mata (S3 2023: 78.9 mata), CSI masih kekal positif berikutan jangkaan kewangan dan pekerjaan bertambah baik, dan jangkaan inflasi dalam kalangan pengguna kekal berhati-hati serta perancangan perbelanjaan pengguna melantun semula. Sejalan dengan itu, Indeks Keadaan Perniagaan (BSI) menunjukkan trend aliran yang sama, apabila indeks meningkat kepada 89.0 mata (S3 2023: 79.7 mata). Keyakinan perniagaan telah meningkat pada S4 2023, terutamanya disebabkan oleh peningkatan dalam pelaburan modal dan Indeks Jangkaan (EI) telah bertambah baik. Sebaliknya, jualan bagi pesanan domestik dan luaran adalah berkurangan. Kedua-dua CSI dan BSI, pada catatan yang sama, menghampiri ambang optimisme 100 mata.

Pertumbuhan pasaran harta tanah pada 2023 disokong oleh pelaksanaan pelbagai inisiatif dan bantuan kerajaan serta keadaan pasaran buruh yang bertambah baik. Pelbagai inisiatif yang digariskan di bawah Bajet 2023 oleh kerajaan telah membantu merangsang aktiviti pasaran harta tanah. Inisiatif tersebut adalah:

1. Pengecualian penuh duti setem ke atas surat cara pindah milik dan perjanjian pinjaman untuk pembelian rumah kediaman pertama berharga sehingga RM500,000 oleh warganegara Malaysia kekal sehingga 31 Disember 2025.
2. Kenaikan pelepasan duti setem daripada 50% kepada 75% untuk pembelian hartanah kediaman pertama berharga antara RM500,000 hingga RM 1 juta oleh warganegara Malaysia dan hanya terpakai untuk perjanjian jual beli yang disempurnakan sehingga 31 Disember 2023.
3. Pengecualian penuh duti setem sehingga RM1 juta dan 50% pelepasan duti setem bagi amaun selebihnya bagi pindah milik harta secara kasih sayang antara ahli keluarga (bapa kepada anak dan datuk kepada cucu).
4. Peruntukan RM460.2 juta untuk pembinaan rumah baharu dan ubah suai rumah di kawasan luar bandar.
5. Peruntukan RM389.5 juta akan disalurkan kepada Program Perumahan Rakyat.
6. Peruntukan RM358 juta untuk pembinaan rumah mampu milik di bawah program Rumah Mesra Rakyat oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad.
7. Peruntukan RM462 juta untuk pembinaan 23,000 rumah di bawah Projek Perumahan Awam Malaysia.
8. Meningkatkan jaminan sehingga RM5 bilion melalui Syarikat Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) dalam membantu pekerja gig seperti pekerja e-hailing dalam mendapatkan pembiayaan rumah sehingga RM500,000.

Second Home (MM2H) program which was announced by the Government in December 2023 is on the right track to boost foreign investment in Malaysia particularly in real estate sector.

According to Malaysia Institute of Economic Research (MIER), the Consumer Sentiments Index (CSI) improved cautiously in Q4 2023, increased to 89.4 points (Q3 2023: 78.9 points), CSI still maintain in positive manner due to expected finances and employment improved, and expected inflation among consumers remains cautious and planned consumer spending bounce back. Correspondingly, Business Conditions Index (BSI) indicate similar trend, as the index increased to 89.0 points (Q3 2023: 79.7 points). The business confidence has increased in Q4 2023, mainly due to a rise in capital investment and Expected Index (EI) has improved. Contrarily, sales with both domestic and external orders reduced. Both CSI and BSI, on the same note, approaching the optimism 100 points threshold.

The growth in 2023 property market is highly supported by the implementation of various government initiatives and assistance and improving labour market conditions. Several initiatives which outlined under Budget 2023 by the government to a certain extent helped improve property market activities. These are:

1. *Full stamp duty exemption on instrument of transfer and loan agreement for the purchase of the first residential home priced up to RM500,000 by Malaysia citizens remained until 31 December 2025.*
2. *Increase of stamp duty remission from 50% to 75% for the purchase of the first residential properties priced between RM500,000 to RM 1 million by Malaysian citizens and applicable for sale and purchase agreements executed until 31 December 2023.*
3. *Full stamp duty exemption up to RM1 million and 50% stamp duty remission for the remaining balance on transfers of property by way of love and affection between family members (father to child and grandfather to grandson).*
4. *Allocation of RM460.2 million for the building of new homes and home renovations in rural areas.*
5. *Allocation of RM389.5 million will be channelled to the People's Housing Programme.*
6. *Allocation of RM358 million for the construction of affordable homes under Rumah Mesra Rakyat programme by Syarikat Perumahan Negara Berhad.*
7. *Allocation of RM462 million for the construction of 23,000 houses under Projek Perumahan Awam Malaysia.*
8. *Increase the guarantees of up to RM5 billion via Syarikat Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) in assisting gig workers such as e-hailing workers in obtaining home financing up to RM500,000.*

Kadar Dasar Semalaman (OPR) tidak berubah iaitu pada kadar 3.0% sejak Mei 2023, selepas peningkatan sebanyak 0.25 mata asas daripada 2.75% peningkatan kali terakhir pada November 2022. Pendirian dasar monetari kekal menyokong ekonomi dan ianya konsisten dengan penilaian semasa bagi inflasi dan prospek pertumbuhan, berwaspada terhadap perkembangan yang sedang berlaku untuk memaklumkan penilaian terhadap prospek inflasi dan pertumbuhan dalam negeri serta kondusif kepada pertumbuhan ekonomi yang mampan di tengah-tengah kestabilan harga. Paras semasa kadar pinjaman dilihat menuju ke kadar pra-pandemik iaitu pada 3.00% pada 2019, pengumuman terkini adalah pada 24 Januari 2024.

Overnight Policy Rate (OPR) was stagnant at 3.0% since May 2023, after an increase by 0.25 basis points from 2.75%, last increased in November 2022. The monetary policy stance remains supportive of the economy and is consistent with the current assessment of the inflation and growth prospects, vigilant to ongoing developments to inform the assessment on the outlook of domestic inflation and growth as well as conducive to sustainable economic growth amid price stability. The current level of borrowing rate is seen heading to pre-pandemic rate at 3.00% in 2019, which the latest announced was in 24 January 2024.

Table 2
OPR Decision

Date	Change in OPR (%)	New OPR Level (%)
24-Jan-24	0	3.00
2-Nov-23	0	3.00
7-Sep-23	0	3.00
6-Jul-23	0	3.00
3-May-23	+0.25	3.00
9-Mar-23	0	2.75
19-Jan-23	0	2.75
3-Nov-22	+0.25	2.75
8-Sep-22	+0.25	2.50
6-Jul-22	+0.25	2.25
11-May-22	+0.25	2.00
3-Mar-22	0	1.75
20-Jan-22	0	1.75

Source: Bank Negara Malaysia

Dari segi permintaan, pergerakan bercampur ditunjukkan dalam petunjuk permintaan harta tanah kediaman dan bukan kediaman. Permohonan pinjaman untuk pembelian kediaman menunjukkan sedikit penurunan 0.7% berbanding 2022 (28.7%) manakala kelulusan pinjaman meningkat 3.1%. Namun begitu, keadaan berbeza bagi harta bukan kediaman di mana permohonan dan kelulusan pinjaman berjaya mencatatkan peningkatan masing-masing sebanyak 29.6% dan 14.8%.

On the demand side, mixed movements are shown in the indicators of residential and non-residential property demand. The loan applications for residential purchase indicate a slight decline of 0.7% as compared to 2022 (28.7%) whilst loan approvals increased marginally by 3.1%. Nevertheless, the situation differs for non-residential property where loan applications and approval managed to register an increase of 29.6% and 14.8% respectively.

Table 3

Loan Application and Loan Approval for Purchase of Residential

Purchase of Residential					
Year	Loan Application (RM Billion)	Loan Approval (RM Billion)	% Change Loan Application	% Change Loan Approval	Ratio Approval/ Application (%)
2017	239.81	101.52	13.1	15.9	42.3
2018	240.90	103.70	0.4	2.1	43.1
2019	260.77	112.57	8.3	8.6	43.2
2020	266.44	93.12	2.2	-17.3	35.0
2021	349.60	122.00	31.2	31.0	34.9
2022	450.07	181.37	28.7	48.7	40.3
2023	446.74	186.94	-0.7	3.1	41.8

Source: Bank Negara Malaysia

Table 4

Loan Application and Loan Approval for Purchase of Non-Residential

Purchase of Residential					
Year	Loan Application (RM Billion)	Loan Approval (RM Billion)	% Change Loan Application	% Change Loan Approval	Ratio Approval/ Application (%)
2017	86.04	31.12	7.6	-5.4	36.2
2018	96.93	35.15	12.7	12.9	36.3
2019	97.57	36.55	0.7	4.0	37.5
2020	68.34	22.96	-30.0	-37.2	33.6
2021	91.49	33.45	33.9	45.7	36.6
2022	122.38	64.49	33.8	92.8	52.7
2023	158.61	74.05	29.6	14.8	46.7

Source: Bank Negara Malaysia

2.0 AKTIVITI PASARAN HARTA TANAH

Pasaran harta tanah meningkat secara beransur-ansur pada tahun 2023, lebih tinggi selepas mengalami penurunan pada tahun 2020 akibat pandemik Covid-19. Sebanyak 399,008 transaksi bernilai RM196.83 bilion direkodkan, masing-masing menunjukkan peningkatan 2.5% dan 9.9% berbanding 2022, yang merekodkan 389,107 transaksi bernilai RM179.07 bilion. Daripada jumlah transaksi, 77.7% (309,861 transaksi) dan 18.6% (74,405 transaksi) masing-masing merupakan transaksi bertarikh 2023 dan 2022 manakala baki peratusan lagi merupakan transaksi tahun sebelumnya.

Prestasi aktiviti pasaran mengikut sektor menunjukkan pergerakan menaik. Subsektor kediaman, komersial, perindustrian dan pembangunan mencatatkan pertumbuhan tahun ke tahun masing-masing 3.0%, 23.3%, 0.9% dan 5.0%, manakala subsektor pertanian mencatatkan sebaliknya, merosot 7.8% dalam bilangan.

Nilai transaksi merekodkan peningkatan lebih tinggi bagi semua subsektor iaitu kediaman, komersial, perindustrian, pertanian dan tanah pembangunan dan lain-lain, masing-masing pada 7.1%, 17.5%, 13.1%, 4.6% dan 13.8%.

Subsektor kediaman menerajui keseluruhan pasaran harta tanah, dengan menyumbang 62.8% dalam bilangan. Ini diikuti oleh subsektor pertanian (19.0%), komersial (10.1%), tanah pembangunan dan lain-lain (6.1%) dan industri (2.0%). Begitu juga nilai, subsektor kediaman mendahului dengan 51.3% bahagian, diikuti oleh komersial (19.5%), perindustrian (12.2%), pertanian (9.5%) dan tanah pembangunan dan lain-lain (7.5%).





2.0 PROPERTY MARKET ACTIVITY

The property market has gradually increased in 2023, higher after the downturn in 2020 due to Covid-19 pandemic. A total of 399,008 transactions worth RM196.83 billion were recorded, each showing an increase of 2.5% and 9.9% respectively compared to 2022, which recorded 389,107 transactions worth RM179.07 billion. Of the total transactions, 77.7% (309,861 transactions) and 18.6% (74,405 transactions) were transfers dated in 2023 and 2022 respectively while the remaining percentage share was for prior years' transfers.

Sectoral market activity performance showed upward movements. Residential, commercial, industrial and development land sub-sectors recorded year-on-year growths of 3.0%, 23.3%, 0.9% and 5.0% respectively, whereas agricultural sub-sector recorded otherwise, declined by 7.8% in volume.

Value of transactions recorded higher increase for all sub-sectors i.e. residential, commercial, industrial, agriculture and development land and others, each at 7.1%, 17.5%, 13.1%, 4.6% and 13.8% respectively.

Residential sub-sector led the overall property market, with 62.8% contribution in volume. This was followed by agriculture (19.0%), commercial (10.1%), development land and others (6.1%) and industrial (2.0%). Similarly in value, residential took the lead with 51.3% share, followed by commercial (19.5%), industrial (12.2%), agriculture (9.5%) and development land and others (7.5%).



2.1 Harta Tanah Kediaman

Transaksi

Terdapat 250,586 transaksi bernilai RM100.93 bilion didirekodkan pada tahun 2023, peningkatan marginal 3.0% dalam bilangan dan 7.1% dalam nilai berbanding 2022. Peningkatan itu disokong oleh trend menaik yang direkodkan di Johor (44.4%), WP Kuala Lumpur dan Pulau Pinang (4.3%), Terengganu (2.0%), Negeri Sembilan (1.9%) dan Kedah (1.6%). Apabila digabungkan, negeri-negeri ini membentuk kira-kira 48.0% daripada keseluruhan bilangan kediaman negara.

Selangor menyumbang bilangan dan nilai tertinggi kepada syer pasaran negara, dengan 22.0% dalam bilangan (55,035 transaksi) dan 30.0% dalam nilai (RM30.26 bilion). Johor dikedudukan kedua tertinggi dengan 16.2% dalam bilangan (40,561 transaksi) dan 18.0% dalam nilai (RM18.12 bilion). Mengikut jenis, permintaan terus tertumpu kepada rumah teres, membentuk sekitar 43.6% daripada jumlah transaksi kediaman, diikuti oleh unit bertingkat tinggi (14.7%), tanah kosong (14.2%) dan rumah /flat kos rendah (10.7%).

Permintaan terus tertumpu kepada rumah mampu milik. Julat harga mampu milik RM300,000 dan ke bawah menyumbang 52.8% daripada jumlah keseluruhan transaksi kediaman, diikuti julat harga RM300,001 hingga RM500,000 (24.9%), RM500,001 hingga RM1 juta (17.2%) dan julat harga melebihi RM1 juta (5.1%). Daripada jumlah transaksi harta tanah kediaman, 21.5% adalah transaksi pasaran utama (pembelian daripada pemaju) manakala bakinya 78.5% adalah transaksi pasaran sekunder (sub-jualan).


2.1 Residential Property


Transaction

There were 250,586 transactions worth RM100.93 billion recorded in 2023, a marginal increase of 3.0% in volume and 7.1% in value as compared to 2022. The improvement was supported by the uptrend recorded in Johor (44.4%), WP Kuala Lumpur and Pulau Pinang (4.3%), Terengganu (2.0%), Negeri Sembilan (1.9%) and Kedah (1.6%). Combined, these states formed about 48.0% of the total national residential volume.

Selangor contributed the highest volume and value to the national market share, with 22.0% in volume (55,035 transactions) and 30.0% in value (RM30.26 billion). Johor ranked second highest market share with 16.2% in volume (40,561 transactions) and 18.0% in value (RM18.12 billion). By type, demand continued to focus on terraced houses, formed around 43.6% of the total residential transactions, followed by high-rise units (14.7%), vacant plots (14.2%) and low-cost houses/flats (10.7%).

Demand continued to focus on affordable houses. The affordable price range of RM300,000 and below accounted for 52.8% of the total residential transactions, followed by RM300,001 to RM500,000 (24.9%), RM500,001 to RM1 million (17.2%) and more than RM1 million (5.1%). Of the total residential property transactions, 21.5% was primary market transactions (purchase from developers) while the remaining 78.5% was secondary market transactions (sub-sales).





Pelancaran Baharu

Prestasi pasaran utama lebih memberangsangkan pada tahun 2023. Sebanyak 56,526 unit pelancaran telah direkodkan, berbanding 54,118 unit pada tahun 2022. Peningkatan sedikit ini disokong oleh trend menaik yang direkodkan di Johor, Sarawak dan Perlis yang meningkat lebih 50%. Ia mungkin dikaitkan dengan pelbagai insentif dan bantuan yang diberikan oleh kerajaan untuk mempromosikan pemilikan rumah dalam Bajet 2023 terutamanya bagi pembeli rumah kali pertama. Prestasi jualan menunjukkan angka yang lebih baik 40.4%, lebih tinggi daripada 36.0% pada tahun 2022.

Johor merekodkan jumlah pelancaran baharu tertinggi dalam negara, menguasai 21.9% (12,390 unit) daripada jumlah nasional dengan prestasi jualan 42.9%. Selangor mencatatkan jumlah kedua tertinggi (11,542 unit, 20.4% syer) dan WP Kuala Lumpur dikedudukan ketiga (5,927 unit, 10.5% syer). Selangor dan WP Kuala Lumpur masing-masing mencatatkan prestasi jualan 55.0% dan 28.7%.

Rumah teres mendominasi pelancaran baharu, di mana teres satu tingkat (10,842 unit) dan teres dua hingga tiga tingkat (16,959 unit) sama-sama menyumbang 49.2% daripada jumlah keseluruhan unit. Unit kondominium/pangsapuri dikedudukan kedua menguasai 33.6% (18,964 unit) daripada jumlah keseluruhan unit, kebanyakannya di WP Kuala Lumpur dan Selangor.

New Launches


The primary market performance more encouraging in 2023. A total of 56,526 units launched were recorded, against 54,118 units in 2022. The slight improvement was supported by the uptrend recorded in Johor, Sarawak and Perlis which increased more than 50%. It could be attributed to the various incentives and assistance given by the government to promote home ownership especially the first-time purchaser in Budget 2023. Sales performance shows better figure at 40.4%, higher than 36.0% in 2022.

Johor recorded the highest number of new launches in the country, capturing 21.9% (12,390 units) of the national total with sales performance of 42.9%. Selangor recorded the second highest number (11,542 units, 20.4% share) and WP Kuala Lumpur came third (5,927 units, 10.5% share). Both Selangor and WP Kuala Lumpur recorded 55.0% and 28.7% sales performance respectively.

Terraced houses dominated the new launches, whereby single storey terrace (10,842 units) and two to three storey (16,959 units), jointly contributed 49.2% of the total units. Condominium/apartment units came second, capturing 33.6% (18,964 units) of the total units, mostly in WP Kuala Lumpur and Selangor.

Chart 7

New Launches and Sales Performance 2019 - 2023



Status Pasaran

Keadaan kediaman siap dibina tidak terjual bertambah baik apabila bilangannya terus berkurangan berbanding tahun sebelumnya. Terdapat 25,816 unit siap dibina tidak terjual bernilai RM17.68 bilion direkodkan pada S4 2023, masing-masing berkurangan 7.0% dan 4.0% dalam bilangan dan nilai berbanding S4 2022 (27,746 unit siap dibina tidak terjual bernilai RM18.41 bilion).

Market Status

The residential overhang situation improved as the numbers continued to reduce as compared to previous year. There were 25,816 overhang units worth RM17.68 billion recorded in Q4 2023, reduced by 7.0% and 4.0% in volume and value respectively against Q4 2022 (27,746 overhang units worth RM18.41 billion).

Perak mencatatkan bilangan unit siap dibina tidak terjual tertinggi dalam negara dengan 4,598 unit, merangkumi 17.8% daripada jumlah keseluruhan negara. Bilangan unit ini diikuti Johor (4,228 unit), WP Kuala Lumpur (3,535 unit), Selangor (3,405 unit) dan Pulau Pinang (3,001 unit). Daripada aspek nilai, WP Kuala Lumpur dan Selangor mencatatkan nilai tertinggi dengan RM3.63 bilion bagi setiap negeri, diikuti Johor (RM3.40 bilion) dan Pulau Pinang (RM2.61 bilion).

Perak recorded the highest number of overhang units in the country with 4,598 units, accounting to 17.8% of the national total. Followed by Johor (4,228 units), WP Kuala Lumpur (3,535 units), Selangor (3,405 units) and Pulau Pinang (3,001 units). In terms of value, WP Kuala Lumpur and Selangor recorded the highest value with RM3.63 billion for each state, followed by Johor (RM3.40 billion) and Pulau Pinang (RM2.61 billion).

Kondominium/ pangsapuri membentuk 60.5% (15,606 unit) daripada jumlah keseluruhan siap dibina tidak terjual negara, diikuti rumah teres (24.3%; 6,279 unit). Unit kondominium/pangsapuri di empat negeri utama, khususnya di Daerah Johor Bahru, Gombak, Timur Laut, Barat Daya, serta di Seksyen 1-100 dan Petaling, WP Kuala Lumpur mendominasi unit siap dibina tidak terjual, menyumbang 27.4% (7,079 unit). Sementara itu, rumah teres di Perak, kebanyakannya di Hilir Perak dan Manjung mendominasi unit rumah teres siap dibina tidak terjual membentuk baki 10.9% (2,806 unit) daripada jumlah keseluruhan negara.

Condominiums/ apartments formed 60.5% (15,606 units) of the national total overhang, followed by terraced houses (24.3%; 6,279 units). Condominium/apartment units in four major states, specifically in Johor Bahru, Gombak, Timur Laut and Barat Daya District, as well as in Mukim Section 1-100 and Petaling, WP Kuala Lumpur dominated the overhang units, accounting for 27.4% (7,079 units). Meanwhile, terraced houses in Perak, mostly in Hilir Perak and Manjung dominated the terraced houses overhang units formed the remaining 10.9% (2,806 units) of the national total.

Mengikut julat harga, rumah dalam julat harga mampu milik di bawah RM300,000 membentuk 29.4% (7,592 unit) daripada jumlah keseluruhan, lebih tinggi daripada 23.5% yang direkodkan pada tahun 2022. Julat harga antara RM500,001 hingga RM1 juta dikedudukan kedua,

By price range, houses in the affordable price range of below RM300,000 formed 29.4% (7,592 units) of the total, higher than 23.5% which recorded in 2022. Price range between RM500,001 and RM1 million came second, accounted for 29.1% (7,523 units). Meanwhile, those

menyumbang 29.1% (7,523 unit). Sementara itu, rumah dalam julat harga RM300,001 hingga RM500,000 membentuk 25.3% lagi (6,528 unit), diikuti julat harga melebihi RM1 juta menyumbang baki sebanyak 16.2% (4,173 unit).

houses in the price range of RM300,001 to RM500,000 formed another 25.3% (6,528 units), followed by more than RM1 million price range contributed the balance 16.2% (4,173 units).

Unit dalam pembinaan belum terjual bertambah baik seiring dengan bilangannya yang terus berkurang kepada 51,132 unit (2022: 57,649 unit), turun 11.3%, manakala belum dibina belum terjual merekodkan penurunan ketara 28.3% dalam bilangan dengan 7,926 unit (2022: 11,053 unit).

The unsold under construction improved in tandem as the numbers further declined to 51,132 units (2022: 57,649 units), dropped by 11.3%, meanwhile unsold not constructed recorded sharply decrease by 28.3% in number with 7,926 units (2022: 11,053 units).

Chart 8

Residential Market Status 2019 - 2023





Chart 9

Residential Market Status by State 2023



Aktiviti Pembinaan


Dalam segmen pembinaan, kediaman siap dibina adalah memberangsangkan, meningkat 4.0% kepada 74,893 unit pada 2023 berbanding tahun 2022. Selangor menyumbang jumlah tertinggi dengan 21,448 unit dan diikuti Johor dengan 10,456 unit. Mengikut jenis, penawaran terus tertumpu kepada kondominium/ pangsapuri, membentuk sekitar 34.1% (25,513 unit) daripada jumlah keseluruhan negara, manakala rumah teres dua hingga tiga tingkat membentuk 30.5% lagi (22,805 unit). Sebaliknya, mula dibina dan penawaran baharu dirancang masing-masing merosot 9.9% kepada 88,114 unit dan 9.1% kepada 80,964 unit, kedua-duanya diterajui Selangor dengan 19,865 unit bagi mula dibina dan 7,593 unit bagi penawaran baharu dirancang.

Sehingga akhir tahun, terdapat lebih daripada 6.2 juta unit kediaman sedia ada dengan hampir 0.39 juta dalam penawaran akan datang dan lebih 0.37 juta dalam penawaran dirancang.

Construction Activity

In the construction segment, housing completion were promising, up by 4.0% to 74,893 units in 2023 as compared to 2022. Selangor contributed the highest number with 21,448 units and followed by Johor with 10,456 units. By type, supply continued to focus on condominiums/apartments, formed around 34.1% (25,513 units) of the national total, while two to three storey terraced houses formed another 30.5% (22,805 units). Contrarily, starts and new planned supply declined by 9.9% to 88,114 units and 9.1% to 80,964 units respectively, both led by Selangor with 19,865 units for the former and 7,593 units for the latter.

As at year-end, there were more than 6.2 million existing residential units with nearly 0.39 million in the incoming supply and slightly more than 0.37 million in the planned supply.



Pergerakan Harga

Indeks Harga Rumah Malaysia (IHRM) berada pada 216.5 mata (RM467,144 seunit) dalam 2023^p dengan pertumbuhan tahunan sederhana 3.2%. Semua negeri utama mencatat pertumbuhan tahunan yang positif masing-masing didahului oleh Johor (6.2%), Pulau Pinang (3.8%), Selangor (2.9%) dan WP Kuala Lumpur (1.8%). Mengikut jenis rumah, rumah teres mencatatkan pertumbuhan tahunan tertinggi 3.7% diikuti oleh kediaman bertingkat tinggi (3.6%), berkembar (2.3%) dan sesebuah (1.4%).

Price Movements

The Malaysian House Price Index (MHPI) stood at 216.5 points (RM467,144 per unit) in 2023^p with a moderate annual growth of 3.2%. All major states recorded positive annual growth lead by Johor (6.2%), Pulau Pinang (3.8%), Selangor (2.9%) and WP Kuala Lumpur (1.8%) respectively. By house type, terraced houses recorded the highest annual growth of 3.7% followed by high-rise (3.6%), semi-detached (2.3%) and detached (1.4%).

Chart 11

MHPI: Point and Annual Changes by Type 2010 –2023^P





Chart 12

MHPI: Point and Annual Changes in Major States 2010 - 2023^P



Sewa

Pasaran sewa kediaman secara umumnya adalah stabil dengan pergerakan menaik direkodkan di beberapa kawasan yang mempunyai jaringan perhubungan yang cekap, bersebelahan dengan stesen LRT dan MRT serta yang terletak berhampiran institusi pengajian tinggi. Di WP Kuala Lumpur, pasaran kediaman secara amnya stabil untuk rumah teres manakala bagi kediaman bertingkat tinggi mencatatkan trend menaik di beberapa skim strata seperti Kondominium Mutiara Upper East, Hartamas Regency 2 dan Residensi Henge. Unit kondominium di The Oval, 10 Mon't Kiara, U Thant Residence dan Sunway Vivaldi memperoleh sewa yang lebih tinggi antara RM12,000 hingga RM15,000 sebulan.

Rental

The residential rental market was generally stable with upward movements recorded in several areas served with efficient connectivity, adjacent to LRT and MRT stations as well as those located nearby higher learning institutions. In WP Kuala Lumpur, residential market was generally stable for terraced houses while high-rise charted upward trend in several strata schemes namely Mutiara Upper East Condominium, Hartamas Regency 2 and Residensi Henge. Condominium units in The Oval, 10 Mon't Kiara, U Thant Residence and Sunway Vivaldi fetched higher rental ranging RM12,000 to RM15,000 per month.

Pasaran sewa di Selangor secara umumnya juga stabil dengan beberapa pergerakan menaik bagi rumah teres di daerah Petaling dan Gombak. Teres dua tingkat di Setia Eco Glade, Cyberjaya merekodkan sewa lebih tinggi antara RM3,250 hingga RM3,900 sebulan manakala sewa bagi jenis rumah yang sama di Mutiara Damansara antara RM2,300 hingga RM2,800 sebulan.

The rental market in Selangor was generally stable with some upward movements for terraced houses in Petaling and Gombak District. Double-storey terraced in Setia Eco Glade, Cyberjaya recorded higher rental ranging RM3,250 to RM3,900 per month while similar houses in Mutiara Damansara ranged from RM2,300 to RM2,800 per month.

Di wilayah selatan, pasaran sewa di Johor secara amnya stabil dengan beberapa pergerakan menaik untuk rumah teres dan unit pangsapuri kebanyakannya di Johor Bahru. Di Pulau Pinang, pasaran kediaman menunjukkan pasaran sewa yang stabil dengan beberapa pergerakan bercampur-campur bagi rumah teres dan unit strata. Seri Tanjung Pinang di Timur Laut menyaksikan sewa teres tiga tingkat mencapai RM3,600 hingga RM3,800 sebulan manakala teres dua tingkat di Eco Horizon (Fasa 1) mencatatkan sewa antara RM2,200 hingga RM3,200 sebulan.

In the southern region, the rental market in Johor was stable generally with several upward movements for terraced houses and apartment units mostly in Johor Bahru. In Pulau Pinang, residential market showed stable rental market with some mixed movements for terraced houses and strata units. Seri Tanjung Pinang in Timur Laut saw its three-storey terraced fetching rental of RM3,600 to RM3,800 per month while double storey terraced in Eco Horizon (Fasa 1) recorded rental ranging from RM2,200 to RM3,200 per month.

2.2 Harta Tanah Komersial

2.2 Commercial Property

Transaksi



Transaction

Subsektor komersial merekodkan peningkatan dalam aktiviti pasaran. Terdapat 40,463 transaksi bernilai RM38.31 bilion direkodkan pada tahun 2023, meningkat 23.3% dalam bilangan dan 17.5% dalam nilai berbanding 2022 (32,809 transaksi bernilai RM32.61 bilion). Keadaan pasaran bertambah baik disumbangkan oleh peningkatan aktiviti di semua negeri dan transaksi utama melibatkan kompleks perniagaan dan pejabat binaan khas yang direkodkan dalam tempoh kajian.

The commercial sub-sector recorded an increase in market activity. There were 40,463 worth RM38.31 billion recorded in 2023, increased by 23.3% in volume and 17.5% in value as compared to 2022 (32,809 transactions worth RM32.61 billion). The improved market was contributed by the increased activities recorded in all states and major transactions involving shopping complex and purpose-built office recorded in the review period.

Selangor mengekalkan sumbangan tertinggi dalam bilangan dan nilai kepada bahagian pasaran negara, dengan 10,110 transaksi bernilai RM10.73 bilion, masing-masing merangkumi 25.0% dalam bilangan dan 28.0% dalam nilai. Johor dikedudukan kedua dengan 19.9% (8,041 transaksi) dan WP Kuala Lumpur merekodkan 15.5% (6,254 transaksi). Daripada aspek nilai, kedua tertinggi ialah WP Kuala Lumpur (RM8.06 bilion) dan diikuti Johor (RM6.15 bilion).

Selangor retained the highest contribution in volume and value to the national market share, with 10,110 transactions worth RM10.73 billion, accounting to 25.0% in volume and 28.0% in value respectively. Johor came second with 19.9% (8,041 transactions) and WP Kuala Lumpur recorded 15.5% (6,254 transactions). In terms of value, the second highest was WP Kuala Lumpur (RM8.06 billion) and followed by Johor (RM6.15 billion).



2.2.1 Kedai (Kedai Satu hingga Enam Setengah Tingkat dan Kedai Pra-Perang)

Transaksi

Segmen kedai merekodkan 18,437 transaksi bernilai RM16.10 bilion, menguasai 45.6% daripada bilangan transaksi harta tanah komersial dan 42.0% daripada jumlah nilai. Berbanding 2022, prestasi bilangan dan nilai pasaran bertambah baik, masing-masing mencatatkan peningkatan 9.3% dan 13.5% (2022: 16,862 transaksi bernilai RM14.2 bilion).

Johor menyumbang bilangan tertinggi kepada bahagian pasaran, dengan 20.7% (3,821 transaksi) dan diikuti Selangor dengan 16.9% (3,121 transaksi). Daripada segi nilai, Selangor mendahului dengan 26.9% (RM4.34 bilion) manakala Johor di tempat kedua dengan 20.8% (RM3.35 bilion) daripada jumlah nilai.

Mengikut jenis, kedai dua hingga dua setengah tingkat adalah yang paling aktif, menguasai 53.2% (9,803 transaksi) pasaran kedai, diikuti kedai tiga hingga tiga setengah tingkat, merekodkan 27.5% bahagian (5,067 transaksi).

Status Pasaran

